



PROGRAM DI BAWAH PUPUK

SOALAN-SOALAN LAZIM

100 Go Digital	PEDAS PERKHIDMATAN DAGANG SETEMPAT <i>Selamat berjaya berdagang</i>	wongku	E/BOARD Online Onboarding Coaching Programme	INSKEN INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BUSINESS TRAINING
MDEC 2 - 3  JOM UBAH MINDA PENIAGA (JUMP)	MDEC 4 	MEDAC-SME CORP 5 	INSKEN 6 - 7  SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA (Agenzi di bawah KPDKKK)	INSKEN 8 - 10  BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA E-PAYMENT AWARENESS AND EDUCATION CAMPAIGN
PNS 11 	MYNIC 12 - 13 	HRDCORP 14 - 15 	SSM 16 - 17	BNM 18 - 19
TM 20 - 21	MCMC-SHOPEE 22	MCMC-AEON 23 - 24		



100 GO DIGITAL - MDEC

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Apakah 100 Go Digital?**

100 Go Digital adalah inisiatif oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk membolehkan PKS (perusahaan mikro, kecil dan sederhana) beralih ke arah digital.

2. **Apakah 100 Go Digital Coaching Workshop?**

100 Go Digital Coaching adalah sebahagian daripada usaha berterusan MDEC untuk memberikan sokongan pegangan digitalisasi untuk PKS. Ini adalah rangkaian bengkel bimbingan yang membantu PKS meningkatkan perniagaan mereka melalui pelatih digital, sambil memanfaatkan penerapan teknologi digital.

3. **Apakah hasil yang diharapkan dari 100 Go Digital Coaching Workshops?**

Setelah menghadiri bengkel ini, perniagaan diharapkan dapat mencapai salah satu hasil dibawah:

- Mendapatkan pemahaman mengenai masalah, kesan dan faedah perniagaan mereka memulakan perjalanan digitalisasi.
- Mampu menguraikan rancangan penggunaan digital atau menentukan matlamat perniagaan digital.
- Mengamalkan sekurang-kurangnya 1 penyelesaian digital yang membolehkan perniagaan
 - Meningkatkan penjualan / pendapatan.
 - Penjimatkan kos perniagaan
 - Kurangkan kitaran masa proses.

4. **Siapakah yang layak menyertai bengkel?**

Peserta mestilah syarikat atau perniagaan Malaysia yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan.

5. **Siapa yang mengendalikan Bengkel Latihan 100 Go Digital?**

Bengkel 100 Go Digital Coaching akan dikendalikan oleh Pelatih yang merupakan kepakaran subjek dalam pelbagai bidang digitalisasi dengan rekod prestasi terbukti dalam membantu perniagaan memulakan digitalisasi.

6. Bagaimana latihan 100 Go Digital dijalankan?

100 Go Digital Coaching akan dijalankan pada:

- Sesi bimbingan kumpulan, di mana ia akan menjadi panduan praktikal satu-ke-banyak sesi antara Jurulatih Digital (DC) dan Perniagaan. Pilihan ini membolehkan lebih banyak perniagaan berkumpul dan berkongsi pengalaman; dan
- Sesi bimbingan peribadi, di mana ia akan menjadi panduan sesi praktikal antara Digital Coach (DC) dan Business on case-to-case

Sesi Coaching akan bersemuka (sama ada dalam talian atau luar talian), bergantung pada DC dan Peserta.

7. Apakah peranan peserta (Perniagaan)?

- a) Ingin memulakan atau meningkatkan perjalanan penggunaan digital
- b) Bersedia untuk bekerjasama dengan Jurulatih Digital untuk mengubah perniagaan mereka.
- c) Terbuka untuk menerima maklum untuk berubah.
- d) Bertanggungjawab untuk pertumbuhan perniagaan dan penggunaan digitalnya.

8. Saya berminat dengan bengkel 100 Go Digital. Bagaimana saya mengekses ke senarai bengkel bimbingan?

Senarai bengkel bimbingan akan dipaparkan di www.mdec.my/100godigital setelah memilih bidang digitalisasi yang disukai. Anda harus berdaftarkan dalam bengkel bimbingan yang dipilih

9. Siapa yang harus saya hubungi untuk pertanyaan lanjut?

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lebih lanjut, hubungi kami di 1800-88-8338 / + 603-83153000 (jika anda menghubungi dari luar Malaysia) atau hantarkan e-mel kepada kami di clic@mdec.com.my



PeDAS – MDEC

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah PeDAS?

Perkhidmatan eDagang Setempat (PeDAS) untuk membantu usahawan setempat memasarkan produk secara dalam talian (online) dan menghubungkan usahawan dengan pelbagai agensi dan rakan perniagaan.

2. Apakah latihan yang disediakan?

- (a) Program keusahawanan
- (b) Akses kepada 58 modul perniagaan melalui pembelajaran dalam talian

3. Bimbingan Perniagaan

- (a) Jurulatih untuk perniagaan anda
- (b) Perkhidmatan eDagang oleh pemain industri

4. Khidmat sokongan?

- (a) Perkhidmatan untuk mengenalpasti tahap kesediaan usahawan dalam perniagaan eDagang dan cadangan untuk mengurangkan jurang tersebut
- (b) Menghubungkan usahawan dengan agensi yang berkaitan untuk membantu mengembangkan perniagaan



WARONGKU – SME CORP

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah program Warongku?

Warongku merupakan platform yang menyediakan perkhidmatan urusan pesanan penghantaran makanan secara dalam talian yang membantu golongan penjaja, peniaga dan usahawan kecil untuk memasarkan produk mereka secara dalam talian.

2. Apakah objektif program ini?

Objektif program adalah untuk meningkat dan melonjakkan pendapatan golongan penjaja, peniaga dan usahawan kecil menerusi jualan secara dalam talian dan memberi kesedaran serta menggalakkan penggunaan aplikasi digital untuk pemasaran yang lebih luas dan transaksi yang lebih bersistematis.

3. Apakah program yang ditawarkan?

Peserta dibimbing dan diberi latihan pendedahan kepada penggunaan platform Warongku.

4. Bagaimana untuk mendaftar sebagai peniaga di platform Warongku?

- (a) Layari laman sesawang di pautan <https://warongqr.com/new/restaurant/register>.
- (b) Isi maklumat yang berkenan.
- (c) Sila pastikan maklumat adalah tepat.
- (d) Klik butang "simpan" apabila selesai.

5. Bagaimanakah peserta boleh mendapatkan maklumat lanjut atau sokongan mengenai program ini?

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang di pautan <https://www.warongku.my/>.



SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah program e-Board?

Program bimbingan **Online onboarding Coaching (e-Board)** membantu usahawan meningkatkan jualan menerusi platform dalam talian seperti berikut:

- (a) Facebook (FB),
- (b) Instagram (IG),
- (c) WhatsApp (WA),
- (d) YouTube (YT),
- (e) Telegram,
- (f) Lazada,
- (g) Shopee,
- (h) TikTok

2. Apakah objektif program e-Board?

Membimbing usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerusi latihan intensif secara dalam talian bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan mereka menggunakan platform digital untuk meningkatkan jualan dan memperluas capaian kepada pelanggan. Coaching dan bimbingan selama 3 bulan yang memberi fokus kepada perniagaan dan pemasaran digital.

3. Siapakah yang boleh mengikuti latihan ini?

Pendaftaran dibuka untuk semua usahawan yang memiliki produk atau perkhidmatan.

4. Komponen Program.

- (a) Fasa 1: Latihan e-Marketplace 8 Platforms (2 hari)
- (b) Fasa 2: Coaching (3 bulan)
**Pilihan platform oleh peserta (1 platform sahaja)*
- (c) Durasi Program: 4 bulan

(d) Pemantauan: 1 tahun

6. Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk mengikuti program ini?

Minima yuran penyertaan dikenakan.

7. Bagaimakah saya boleh mengikuti program ini?

Pendaftaran program boleh dibuat melalui sistem dalam talian INSKEN seperti di bawah.

<https://app.evenesis.com/INSKEN/UserLogin>

<https://www.insken.gov.my/pendaftaran/>

8. Bagaimakah program ini memberi manfaat kepada perniagaan?

- a. Meningkatkan pemahaman dan menambah pengetahuan teknikal di peringkat asas, pertengahan dan lanjutan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan melalui platform dalam talian yang dipilih agar dapat memperluas capaian kepada pelanggan dengan cara yang lebih berkesan.
- b. Latihan teknikal secara intensif dan bimbingan daripada pakar untuk meningkatkan kemahiran strategi pemasaran dan promosi produk/perkhidmatan dengan memanfaatkan sebaiknya platform dalam talian.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah program Latihan Perniagaan INSKEN?

Program latihan ini bertujuan meningkatkan kapasiti usahawan dengan mengadaptasi teknologi digital dalam perniagaan. Menerusi latihan ini, peserta akan dilatih oleh pengamal industri mengenai pengetahuan teknikal dari segi tadbir urus operasi perniagaan, pengurusan sumber manusia, kewangan, pemasaran digital dan pendekatan yang relevan yang dapat diterapkan secara langsung dalam operasi perniagaan harian mereka.

Modul latihan adalah seperti berikut:

- (a) e-Dagang
 - Pasarkan Produk Anda di e-Market Place (Shopee & Lazada) 101
 - E-Marketplace: Shopee (Intermediate)
 - E-Marketplace: Lazada 101/201
 - E Marketplace: Shopee 101/201
 - Pasarkan Produk Anda di e-Market Place Food & Beverages platform (Food Panda & Grab Food) 101
- (b) Media Sosial
 - Pemasaran menerusi media sosial: Tik Tok
 - Pemasaran dan jualan menerusi Youtube
 - LinkedIn for Business
 - Whatsapp untuk peniaga kecil
 - Telegram untuk perniagaan
 - Pembangunan lawan sesawang (website)
 - Iklan Facebook (FB Ads)
 - Pemasaran tanpa kos menggunakan Facebook
 - Onboard your F&B using Online Platform
 - Whatsapp untuk Business 201
 - Instastory for Sales & Marketing
 - Pemasaran dan jualan menerusi Instagram

(c) Sokongan Kandungan

- Digital Poster using PowerPoint
- Digital Poster using Smartphone
- Using Google Tools Set for Digital Marketing
- Copywriting for Sales & Marketing
- Video Making using Smartphone for Beginner
- Conducting Virtual Sales Event
- Expanding Your Business through Dropship, Agent & Stockist
- Boost Your Sales by Branding
- Market Intelligence
- Business English

(d) Lain-lain

- Business Plan
- Sales Closing Techniques
- Outbound Inbound Marketing
- Creating Customer Loyalty
- Sales Prospecting
- Creating Unique Selling Proposition
- Product Development
- Menu Engineering
- Business Model Canvas
- Kursus Asas Keusahawanan

2. Apakah objektif program?

- (a) Menyediakan latihan secara praktikal untuk meningkatkan kemahiran usahawan menerusi modul yang disediakan.
- (b) Membantu usahawan meningkatkan kecekapan urusan operasi perniagaan.

3. Siapakah yang boleh menyertai program ini?

Usahawan sedia ada / individu yang berminat untuk menjadi usahawan / usahawan yang ingin mengembangkan perniagaan.

4. Berapakah tempoh program ini?

Latihan 2 hari secara dalam talian atau fizikal

5. Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk mengikuti program ini?

Peserta hanya perlu membayar yuran minima.

6. Bagaimanakah untuk mengikuti program ini?

Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian menerusi laman sesawang seperti di pautan berikut:

- (a) <https://app.evenesis.com/INSKEN/UserLogin>
- (b) <https://www.insken.gov.my/pendaftaran/>

7. Bagaimanakah program ini memberi manfaat kepada perniagaan?

- (a) Meningkatkan kebolehupayaan dan pengetahuan usahawan menerusi modul-modul yang disediakan seperti pengurusan perniagaan, kewangan, operasi, pemasaran dan promosi secara digital.
- (b) Tugasan semasa sesi latihan adalah relevan dengan trend semasa bagi memastikan usahawan dapat mempersiapkan diri dalam pasaran digital.

8. Bagaimanakah peserta boleh mendapatkan maklumat lanjut atau sokongan mengenai program ini?

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang di pautan <https://www.insken.gov.my/pendaftaran/>



SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah program Jom Ubah Minda Peniaga (JUMP)?

Latihan untuk membina keupayaan usahawan PKS.

2. Apakah objektif program ini?

Mengubah minda usahawan mikro, kecil dan sederhana menerusi latihan dan pemasaran menerusi platform e-dagang PYBLI.

3. Siapa yang perlu menyertai program ini?

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

4. Berapa lamakah tempoh program?

Latihan selama 2 hari secara dalam talian.

5. Adakah program ini ditawarkan secara percuma atau dikenakan bayaran?

Percuma

6. Bagaimanakah program ini memberi manfaat kepada perniagaan?

Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pemasaran dan promosi secara digital.



.BIZ.MY + GO2 Brand -MYNIC

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah program .BIZ.MY + GO2 Brand?

.BIZ.MY + GO2 Brand adalah merupakan aplikasi pemasaran digital yang menghubungkan semua platform digital dalam satu nama domain.

2. Apakah yang objektif yang oleh program ini?

Inisiatif ini ditawarkan oleh pihak MYNIC untuk PMKS melengkapkan transformasi eko-sistem digital mereka. Sebanyak 20,000 nama domain diberikan PERCUMA kepada PMKS yang mendaftar sehingga 31 Disember 2021.

3. Siapakah yang boleh mendaftar untuk program ini?

Pendaftaran .BIZ.MY di bawah PRIME adalah terbuka kepada PMKS yang berdaftar dengan SSM serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah & Sarawak.

4. Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk pendaftaran?

Setiap PMKS layak untuk memohon satu (1) .BIZ.MY secara PERCUMA bagi setahun dalam tempoh promosi dijalankan. Tahun berikutnya, iaitu tahun kedua, ketiga dan keempat bayaran pembaharuan domain oleh PMKS akan dikenakan bayaran sebanyak RM90 berbanding RM240 untuk tiga tahun.

5. Bagaimanakah saya boleh menyertai program ini?

Sila daftarkan penyertaan anda untuk program ini melalui portal MYNIC PRIME seperti di bawah.
<https://prime.mynic.my>

6. Bagaimanakah saya mendapat manfaat daripada program ini?

- (a) Memperkuuhkan kehadiran jenama PMKS dalam senarai utama media sosial dan pasaran dalam talian
- (b) Penggabungkan platform-platform digital dalam satu nama domain
- (c) Meningkatkan kepercayaan dan nilai jenama dalam pasaran
- (d) Meningkatkan capaian pasaran dengan memromosikan PMKS tempatan serta produk dan jenama mereka.

7. Bagaimanakah untuk saya mendapatkan maklumat lanjut dan bantuan berkenaan program ini?

Untuk makluman lanjut, sila layari laman web <https://prime.mynic.my> atau menghubungi talian perkhidmatan bantuan di 1300-88-7277.



JANA'PRENUER – HRD CORP

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah itu Jana'Prenuer?

Jana'Preneur adalah sebuah platform e-dagang yang dinamik untuk memenuhi keperluan usahawan serta menyediakan pengalaman membelah secara dalam talian yang mengujakan kepada para pengguna.

2. Apakah objektif program ini?

Jana'preuer adalah sebuah platform e-dagang dan platform Pembangunan Usahawan yang membolehkan penjual berdaftar menjual dan menawarkan perkhidmatan. Disamping menjana pendapatan, program ini akan melengkapkan kemahiran kepada mereka yang terlibat untuk menjadi usahawan berjaya.

3. Siapakah yang boleh menyertai program ini

Usahawan tempatan / syarikat yang berminat untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka secara dalam talian.

4. Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk pendaftaran?

Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk menyertai program ini, namun caj perkhidmatan untuk e-bayaran dan penghantaran adalah tertakluk kepada kadar yang ditentukan oleh penyedia perkhidmatan.

5. Bagaimanakah saya boleh menyertai program in?

Sila mendaftar melalui sistem dalam talian Jana'Prenuer seperti berikut.

<https://www.janapreneur.com.my/register-as-supplier?plan=free>

6. Bagaimanakah saya mendapat manfaat daripada program ini?

- (a) Fungsi utama Jana'prenuer ialah platform B2B iaitu (usahawan-pengguna) dan B2C (usahawan-perniagaan) yang boleh menghubungkan usahawan dengan lain-lain platform e-dagang
- (b) Caj perkhidmatan yang dikenakan adalah sangat minima berdasarkan kadar industri semasa
- (c) Jana'prenuer tidak hanya memfokuskan kepada kategori produk tetapi perkhidmatan yang membolehkan pembeli untuk menetapkan pilihan mereka sendiri
- (d) Peluang latihan dan bimbingan khusus daripada peringkat awal pembangunan usahawan sehingga menjadi usahawan yang berdaya maju dengan dibantu oleh rakan strategik Jana'prenuer

7. Bagaimanakah untuk saya mendapatkan maklumat lanjut dan bantuan berkenaan program ini?

Untuk makluman lanjut, sila layari laman web janapreneur@hrdcorp.gov.my.



SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP)/ EZBIZ Online – SSM

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP)?

SPPP adalah geran yang diberikan kepada golongan B40 dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk mendaftarkan perniagaan mereka di SSM. Pemohon akan dikecualikan daripada sebarang pendaftaran perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

2. Apakah yang ditawarkan oleh SPPP?

Pemohonan PPP akan dikecualikan bayaran untuk perkara berikut:

- (a) Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan – RM30 setahun
- (b) Perniagaan milikan tunggal atau perniagaan perkongsian (rakan kongsi terdiri dari kategori kumpulan yang layak memohon skim ini) menggunakan nama tred – RM60 setahun; dan
- (c) Cetakan maklumat perniagaan– RM10.

3. Bagaimanakah untuk memohon SPPP?

- (a) Pemohon perlu mengemukakan borang permohonan melalui dalam talian di ezbiz.ssm.com.my.
- (b) Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online serta hadir di pejabat SSM terdekat untuk pengesahan identiti dan keselamatan.
- (c) Melampirkan dokumen sokongan seperti salinan MyKad, perakuan penerima Bantuan Prihatin Nasional/Bantuan Prihatin Rakyat, surat pengesahan pelajar daripada IPT semasa hadir di pejabat SSM berhampiran.

4. Apakah itu EZBIZ Online?

- (a) EZBIZ Online adalah sebuah platform dalam talian yang disediakan oleh SSM untuk membenarkan pengguna untuk melakukan pendaftaran perniagaan baru, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan, pembaharuan perakuan pendaftaran dan penamatan perniagaan
- (b) Perkhidmatan alternatif untuk transaksi "over-the-counter" yang mudah, cepat, dan pantas.
- (c) Perkhidmatan beroperasi selama 24 jam sehari /7 hari seminggu

5. Bagaimanakah saya mendapat manfaat daripada program ini?

- (a) Perniagaan diperakui sah disisi undang-undang
- (b) Memudahkan akses kepada bantuan pinjaman kewangan dan latihan daripada kerajaan & agensi berkaitan
- (c) Meningkatkan kepercayaan pembeli untuk berurus dengan peniaga yang sah
- (d) Boleh memasuki transaksi jual beli yang sah termasuk ikatan kontrak

6. Bagaimanakah untuk saya mendapatkan maklumat lanjut dan bantuan berkenaan SPPP and EZBIZ Online?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-77214000 atau emel enquiry@ssm.com.my



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KEMPEN KESEDARAN E-PEMBAYARAN

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah E-Pembayaran?

E-pembayaran adalah kaedah membuat pembayaran secara elektronik tanpa menggunakan wang tunai atau cek. Ini termasuk kad pembayaran (contohnya. Kad kredit, debit dan prabayar), e-dompet dan perbankan dalam talian (perbankan Internet dan mudah alih).

2. Bagaimana Usahawan kecil boleh menerima e-pembayaran dari pelanggan mereka?

Terdapat pelbagai kaedah untuk usahawan kecil menerima e-pembayaran dari pelanggan mereka. Ini termasuk:

- (a) Kod QR yang boleh ditampal di premis perniagaan di mana pelanggan dapat menggunakan aplikasi e-dompet mereka untuk mengimbas kod QR untuk melakukan pembayaran untuk pembelian mereka.
- (b) Point-of-sale (POS) Terminal yang merupakan terminal elektronik yang dapat digunakan oleh usahawan untuk menerima pembayaran dari pelanggan melalui kaedah kad pembayaran atau e-dompet
- (c) Tap-on-phone yang merupakan penyelesaian yang memudahkan usahawan menggunakan telefon Android (model terpilih) untuk menerima pembayaran dari pelanggan melalui kad pembayaran

Dana tersebut akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pilihan Usahawan dan tidak perlu pergi dan menyimpan wang tunai di mesin deposit tunai atau cawangan bank.

3. Bagaimana usahawan kecil boleh menggunakan e-pembayaran untuk membuat pembayaran cth. kepada pembekal, pekerja

Usahawan kecil boleh menggunakan e-pembayaran untuk perniagaan mereka sendiri, sebagai contoh membayar gaji kakitangan, pembekal atau bil. Salah satu kaedah untuk melakukan ini adalah dengan menggunakan perkhidmatan

pemindahan dana elektronik melalui aplikasi perbankan internet atau aplikasi bank. Rekod pembayaran akan disediakan untuk membolehkan usahawan kecil merekod transaksi mereka.

4. Apa yang ditawarkan oleh program ini?

- (a) Maklumat mengenai faedah menerima e-pembayaran
- (b) Panduan bagaimana menggunakan e-pembayaran untuk membuat pembayaran seperti membuat pembelian, membayar gaji kakitangan, pembekal dan bil
- (c) Panduan bagaimana menerima e-pembayaran dari pelanggan (contohnya Kod QR, terminal POS, *tap-on-phone*) dan cara mendaftar dengan penyedia perkhidmatan pembayaran
- (d) Panduan mengenai cara menggunakan e-pembayaran dengan selamat

5. Siapa yang harus menyertai program ini

Usahawan kecil dan individu perseorangan



PROGRAM PUPUK@UNIFI OLEH TM

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah PUPUK@unifi ?

Pupuk @ Unifi adalah program komprehensif yang disasarkan kepada komuniti usahawan kecil atau PKS dengan menerapkan teknologi digital dalam perniagaan melalui akses internet, penyelesaian digital, bantuan saluran dan sokongan.

2. Apakah tawaran yang diberikan di bawah program PUPUK@unifi ?

Terdapat tiga inisiatif dalam program PUPUK@unifi :

(a) Produk & penyelesaian teknologi digital :

- Jalur lebar tetap & mudah alih
- Penyelesaian digital
- Komuniti usahawan uBC (*unifi Business Club*)

(b) Program asas pemasaran digital melalui Kelas Perniagaan Digital.

- Kelas fizikal dan atas talian
- Modul pembelajaran yang komprehensif.

(c) Sokongan bagi penyelesaian digital dan program untuk usahawan kecil melalui saluran dan pasukan SME unifi di setiap negeri yang terdiri daripada :

- Eksekutif Daerah unifi SME
- TM Point
- Biz Rovers

3. Adakah unifi akan mengadakan program pembelajaran atau kesedaran dibawah PUPUK@unifi ?

Pupuk@Unifi komited untuk membantu usahawan kecil atau PKS memanfaatkan teknologi digital dengan mengadakan program pembelajaran dan kesedaran (*educational and awareness*) bagi menyokong kelangsungan perniagaan mereka.

Jom Bisnes adalah program yang akan dianjurkan di lokasi-lokasi terpilih di seluruh negara. Kami akan berkongsi beberapa inisiatif digital untuk membantu usahawan kecil memulakan aktiviti ataupun beralih kepada perniagaan secara atas talian.

Program ini akan bermula pada 15 Ogos 2021; sama ada secara maya atau fizikal. Perkembangan lanjut mengenai inisiatif ini akan dihebahkan di media sosial; Instagram - unifi Business Club mahupun Facebook – SME Biz Mikro.

PKS yang berminat boleh juga berhubung terus dengan pejabat SME unifi di setiap negeri.

4. Apakah Pek Mikro?

Pek Mikro adalah tawaran menarik dan hebat yang disasarkan kepada usahawan kecil atau PKS dengan internet berkelajuan 30 Mbps serendah RM 95.90 langganan bulanan, yang merangkumi penyelesaian digital (pemasaran digital dan sokongan latihan) serta berpeluang untuk memperolehi geran padanan sehingga RM 5,000.

5. Apakah objektif Pek Mikro?

Objektif Pek Mikro adalah untuk membantu golongan sasaran PKS khususnya usahawan kecil untuk menjalankan perniagaan atas talian atau “online” dengan menyediakan capaian internet jalur lebar asas bagi membantu meningkatkan pasaran, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kadar jualan.

6. Siapakah yang boleh menyertai tawaran ini?

Tawaran Pek Mikro terbuka kepada usahawan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

7. Berapa lamakah tempoh promosi Pek Mikro?

Tempoh promosi tawaran Pek Mikro adalah dari 15 Ogos 2021 sehingga 31 Disember 2021



PUPUK@SHOPEE

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Apa itu PUPUK @ SHOPEE?**

Kempen PUPUK @ Shopee adalah kolaborasi antara Shopee dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dari bulan Julai hingga Disember 2021. Penjual akan menerima Baucar Shopee Percuma untuk meningkatkan penjualan di kedai mereka.

2. **Siapa yang layak menyertai kempen?**

Penjual yang layak adalah penjual yang diluluskan oleh SKMM untuk menjadi sebahagian daripada kempen ini.

3. **Berapa lama saya dapat menikmati manfaat ini?**

Manfaat yang disediakan akan berlangsung sehingga 31 Disember 2021, atau sehingga dana kempen yang diperuntukkan telah digunakan sepenuhnya.

4. **Adakah bayaran tambahan dikenakan untuk menyertai kempen ini?**

Tiada, kempen ini ditaja sepenuhnya oleh SKMM

5. **Siapa yang harus saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi help@support.shopee.com.my atau +6032777 9222 pada bila-bila masa dari Isnin hingga Ahad, termasuk Cuti Umum.



KEMPEN PUPUK@ AEON 2021

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah Pupuk@AEON?

Pupuk@AEON adalah sebuah program yang menghubungkan usahawan PEDi yang terpilih untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka melalui platform AEON.

2. Apakah objektif program ini?

Program ini menasarkan peningkatan pendapatan usahawan PEDi yang telah menyertai program latihan keusahawanan PEDi serta berhasrat mengembangkan perniagaan mereka.

3. Siapakah yang layak menyertai program ini?

Para usahawan PEDi terpilih yang telah menyertai program-program latihan keusahawanan PEDi.

4. Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk pendaftaran?

Tiada sebarang bayaran dikenakan. Usahawan PEDi akan disenaraikan pendek dan dinilai oleh AEON untuk kesediaan mereka mengembangkan perniagaan mereka dalam platform AEON.

5. Bagaimanakah saya boleh mendaftar program ini?

Sila mendaftarkan butiran diri anda kepada pegawai PEDi berhampiran untuk dimaklumkan kepada pihak MCMC.

6. Bagaimanakah saya mendapat manfaat daripada program ini?

Para usahawan PEDi berkenaan akan diberikan bimbingan khusus dan latihan dalam aspek pemasaran peruncitan secara langsung daripada pihak AEON.

7. Bagaimanakah untuk saya mendapatkan maklumat lanjut dan bantuan berkenaan program ini?

Untuk makluman dan bantuan lanjut, sila hubungi Sekretariat Pupuk melalalui emel pedi@mcmc.gov.my.